

Konsul kendali 72 kes

BIHL 16/12/2000

GEORGETOWN, Selasa – Pejabat Konsul Besar Indonesia di Pulau Pinang mengendalikan 72 kes membabitkan warga republik itu yang menghadapi pelbagai masalah di tempat kerja termasuk penderaan, sepanjang tahun lalu.

Selain penderaan, pejabat itu turut mengendalikan kes diusir majikan, kerja berat, pencabulan dan rogol membabitkan pembantu rumah rakyat negara itu.

Konsul Besar Indonesia, R Toto Waspodo, berkata pejabat itu akan bertindak sebagai orang tengah dalam usaha untuk menyelesaikan masalah yang dilaporkan di kalangan warga republik itu.

“Kita akan mengambil langkah proaktif dengan merujuk kes itu dengan pihak berkuasa terbabit seperti Jabatan Imigresen, Jabatan Buruh dan polis,” katanya di sini, hari ini.

Beliau berkata, pihaknya amat ber-

puashati dengan kerjasama ketika berurusan dengan jabatan berkenaan dalam menyelesaikan semua kes yang dilaporkan.

Katanya, bagi tahun ini sepanjang tempoh Januari hingga kini, pejabat itu mengendalikan 28 kes termasuk penderaan pembantu rumah.

Menurutnya, pihaknya kini sedang menyelesaikan kes berhubung seorang pembantu rumah rakyat negara itu, yang mendakwa dirogol majikannya.

Toto berkata, pihaknya juga menerima kes membabitkan majikan yang tidak menjelaskan gaji selama dua tahun membabitkan seorang pembantu rumah.

Sementara itu, keadaan mangsa penderaan, Eni Windiya, yang dipercayai didera majikannya pada 22 November, tahun lalu di Bukit Mertajam kini semakin pulih tetapi penglihatannya masih kabur.